

---

**ANALISIS PERANAN *ULIL AMRI* DAN PIHAK BERKUASA AGAMA DALAM MENENTUKAN POLISI UMUM BERKAITAN HUKUM-HAKAM DI MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP ISU-ISU SEMASA PANDEMIK COVID-19**

**ANALYSIS ON THE ROLE OF *ULIL AMRI* AND RELIGIOUS AUTHORITIES IN DETERMINING PUBLIC POLICIES RELATED TO THE SYARIAH RULINGS IN MALAYSIA: A STUDY ON CURRENT ISSUES OF THE COVID-19 PANDEMICS**

<sup>i</sup>\*Lukman Abd Mutualib, <sup>i</sup>Wan Abdul Fattah Wan Ismail, <sup>i</sup>Ahmad Syukran Baharuddin, <sup>i</sup>Abdul Manan Ismail, <sup>i</sup>Mohd Soberi Awang, <sup>i</sup>Setiyawan Gunardi, <sup>ii</sup>Siti Fatimah Salleh, <sup>i</sup>Muhammad Hazim Ahmad

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

<sup>ii</sup>Fakulti pengajian kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

\*(Corresponding author) email: [lukman@usim.edu.my](mailto:lukman@usim.edu.my)

### **ABSTRACT**

Obeying *Ulil Amri* is one of the things demanded by the Islamic law as long as the injunction is in order to protect the *maslahat* and prevent *mafsadah* from happening to the people. Since the onset of the COVID-19 pandemic in Malaysia, several public policies have been developed by *Ulil Amri* covering various aspects including social, economic, and Islamic religious affairs in Malaysia. Each policy formed is the result of discussion after discussion with authoritative bodies as well as experts in various fields. This study was conducted with the aim of identifying *Ulil Amri* who is responsible for handling and managing COVID-19 pandemic issues. In addition, this study was also conducted to identify the role and job scope of each *Ulil Amri* involved in formulating the public policies related to the COVID-19 pandemic. This qualitative study has collected relevant data through primary and secondary documents and further analysed them using the content analysis method. The results of this study found that several ministries involved in the construction of public policies related to Syariah rulings in Malaysia include the Yang di-Pertuan Agong, the National Security Council, the Ministry of Health Malaysia, the Minister in the Prime Minister's Department, and the State Council of Islamic Religion. They are the *Ulil Amri* who is responsible for handling and managing COVID-19 pandemic issues related to Islamic religious affairs in Malaysia. Each *Ulil Amri* involved has his own role and jurisdiction. They will work together in formulating any public policy related to Islamic religious affairs. This shows that every public policy produced involves various parties from various fields who work together to safeguard the *maslahat* and prevent *mafsadah* from happening to the people.

**Keywords:** Public policy, Role of *Ulil Amri*, COVID-19 pandemic, Islamic religious affairs, *Maslahat* and *mafsadah*

### **ABSTRAK**

Mentaati *Ulil Amri* merupakan salah satu perkara yang dituntut oleh syarak selama mana suruhan tersebut demi menjaga maslahah serta menghalang mafsaadah kepada rakyat. Semenjak bermulanya pandemik COVID-19 melanda Malaysia, beberapa polisi umum telah dibentuk oleh *Ulil Amri* merangkumi pelbagai aspek termasuklah sosial, ekonomi, dan urusan hal ehwal agama Islam di Malaysia. Setiap polisi yang dibentuk adalah hasil daripada perbincangan demi perbincangan dengan badan-badan berautoriti serta pakar-pakar dalam pelbagai bidang. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti *Ulil Amri* yang bertanggungjawab dalam mengendalikan dan menguruskan isu-isu pandemik COVID-19. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan bagi mengenal pasti peranan dan skop tugas setiap *Ulil Amri* yang terlibat dalam membina polisi-polisi umum berkaitan dengan pandemik COVID-19. Kajian kualitatif ini telah mengumpulkan data yang relevan melalui dokumen primer dan sekunder dan seterusnya menganalisisnya menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil

kajian ini mendapati beberapa kementerian yang terlibat sama dalam pembinaan polisi-polisi umum berkaitan hukum-hakam di Malaysia antaranya ialah Yang di-Pertuan Agong, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan Majlis Agama Islam Negeri. Mereka adalah *Ulil Amri* yang bertanggungjawab dalam mengendalikan dan menguruskan isu-isu pandemik COVID-19 berkaitan hal ehwal agama Islam di Malaysia. Setiap *Ulil Amri* yang terlibat mempunyai peranan dan bidangkuasanya tersendiri. Mereka akan saling bekerjasama dalam membentuk sebuah polisi umum berkaitan hal ehwal agama Islam. Hal ini menunjukkan bahawa setiap polisi umum yang dihasilkan adalah melibatkan pelbagai pihak dari pelbagai bidang yang bekerjasama demi menjaga maslahat serta menghalang mafsaadah berlaku kepada rakyat.

**Kata kunci:** Polisi umum, Peranan *Ulil Amri*, Pandemik COVID-19, Hal ehwal agama Islam, Maslahah dan mafsaadah,

## Pengenalan

Mentaati ulil amri merupakan salah satu perkara yang dituntut oleh syarak. Banyak nas baik dari Al-Quran mahupun Al-Sunnah yang jelas menunjukkan kepada perkara ini. Antaranya adalah firman Allah (s.w.t.):

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَنْهَاكُمْ﴾

Maksudnya : Wahai orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah, taatlah kamu kepada Rasul serta (taatlah kepada) ulil amri (para pemimpin) dari kalangan kamu. [Surah Al-Nisa' (59)]

Ibnu Kathir (1999) dan Fakhruddin al-Rāzī (1999) menyatakan bahawa ketaatan kepada *ulil amri* hanyalah terikat dengan ketaatan mereka kepada Allah S.W.T serta Rasul-Nya (s.a.w.). Justeru, ketaatan kepada perintah *ulil amri* adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang makruf sahaja dan bukan dalam perkara-perkara maksiat. Ini bertepatan dengan sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar (r.a.), beliau berkata bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda :

«السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حُقُّ مَا لَمْ يُؤْمِرْ بِالْمَعْصِيَةِ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَلَا سَمْعٌ وَلَا طَاعَةٌ»

Maksudnya : Dengar dan taat (kepada pemerintah) itu merupakan suatu perkara yang hak (kemestian), selama mana mereka tidak memerintahkan kepada maksiat. Apabila mereka (pemerintah) mengarahkan kepada maksiat maka tidak wajib dengar dan taat (pada arahan tersebut). [HR: Al-Bukhari (2955)]

Begitu juga dengan sebuah hadis sahih lain yang diriwayatkan oleh Saidina Ali (r.a.), bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

«لَا طَاعَةَ لِمَحْلُوقٍ فِي مَعْصِيَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ»

Maksudnya: "Tiada ketaatan kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Allah Azza wa Jalla." [HR: Ahmad (1095)]

Oleh yang demikian, sekiranya arahan yang dikeluarkan oleh *ulil amri* itu merupakan suatu kemakrufan, kebaikan, serta mendatangkan maslahah kepada rakyat, sama ada arahan tersebut disukai oleh rakyat ataupun tidak, dan ianya bukan dalam perkara maksiat, maka wajib hukumnya ke atas rakyat untuk mematuhi segala arahan tersebut.

## **Metodologi Kajian**

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah penyelidikan dokumentari untuk menilai buku-buku yang ditulis oleh para sarjana dan ahli akademik. Di samping itu, metodologi yang sama juga digunakan untuk menilai hasil kajian terkini yang dilaporkan dalam jurnal berkualiti dan berindeks. Kaedah penyelidikan dokumentari digunakan untuk mendapatkan dan mengumpulkan data-data yang relevan melalui dokumen, penulisan, dan rekod yang telah dihasilkan (Neely & Ponshunmugam, 2019; Prior, 2008). Tujuan utama kaedah ini adalah untuk menilai secara ilmiah terhadap dokumen bertulis sama ada dokumen awam atau persendirian (Payne & Payne, 2004; Walsh, 2014). Bagi tujuan kajian ini, kami menilai kedua-dua jenis dokumen.

Dalam kajian ini, kami telah menggunakan beberapa dokumen utama seperti Al-Quran, kitab-kitab hadis seperti *Šahīh al-Bukhārī* karya al-Bukhārī (2002) dan *Šahīh Muslim* karya Muslim (2016), Perlembagaan Persekutuan, Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 (Akta 776), dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Dokumen-dokumen ini digunakan bagi mengenal pasti bidangkuasa dan skop tugas yang telah diperuntukkan bagi setiap *ulil amri* di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga telah merujuk kitab-kitab tafsir utama seperti *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān* karya al-Tabarī (2000), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* karya al-Qurtubī (1964), *Mafātiḥ al-Ghayb* karya Fakhruddin al-Rāzī (1999), dan *Tafsir al-Qur'ān al-'Azīz* karya Ibnu Kathir (1999) bagi mendapatkan tafsiran *ulil amri* menurut pendapat para ulama. Kami telah menentukan data dari dokumen-dokumen ini adalah data utama kerana data ini adalah dari sumber yang langsung, boleh dipercayai dan tidak dipengaruhi oleh pandangan atau pendapat individu. Tambahan lagi, data dari kitab-kitab tersebut telah menjadi sumber rujukan kepada para ulama pada zaman selepasnya sehingga ke hari ini.

Seterusnya, data sekunder bagi kajian ini adalah perbincangan tentang peranan umum pemerintah di peringkat pusat dan negeri dalam mendepani pandemik COVID-19 serta peranan khusus mereka dalam menentukan polisi umum berkaitan urusan agama Islam. Selain itu, data sekunder juga diperoleh daripada penulisan di dalam jurnal berindeks terutamanya Scopus dan WOS yang diperolehi dari pangkalan data Scopus yang diakses melalui portal EZproxy Universiti Sains Islam Malaysia.


Kemudian, data yang diperoleh telah dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan untuk memahami dan mengeluarkan maklumat-maklumat penting dan berguna yang berada di sekitar teks dokumen (Leavy, 2017). Oleh kerana kajian ini merupakan kerja kualitatif, maka analisis kandungan dalam kajian ini telah dilaksanakan secara induktif (Julien, 2008). Proses ini dilaksanakan secara berulang (rekursif) melibatkan proses pungutan dan analisis data yang berkaitan dengan penerapan definisi, peraturan, atau prosedur bagi mendapatkan keputusan yang berterusan (Hayes, Navarro, Stephens, Ransom, & Dilevski, 2019; Leavy, 2017; Liew, Grisham, & Hayes, 2018).

## **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Dapatan kajian ini dan perbincangan mengenainya dibahagikan kepada empat bahagian iaitu penentuan *ulil amri* dalam pandemik COVID-19 di Malaysia, peranan dan tanggungjawab umum mereka terhadap rakyat Malaysia, operasi *ulil amri* dalam menentukan polisi umum berkaitan hukum-hakam pandemik COVID-19, dan cabaran-cabarannya dalam membentuk polisi tersebut.

### **1) Penentuan *Ulil Amri* dalam Pandemik COVID-19 dan latarbelakang mereka**

Para ulama telah berbeza pendapat mengenai tafsiran *ulil amri* yang boleh dibahagikan kepada empat pendapat (al-Qurtubī, 1964; al-Tabarī, 2000; Ibnu al-Jawzī, 2001).




Rajah 1: Tafsiran "Ulil Amri" dalam kalangan mufassirin (al-Qurtubī, 1964; al-Tabarī, 2000; Ibnu al-Jawzī, 2001)

Rajah 1 di atas merumuskan empat tafsiran "ulil amri" dalam kalangan mufassirin. Terdapat perbezaan pendapat terhadap tafsiran tersebut, akan tetapi, al-Tabarī (2000) menjelaskan bahawa pendapat yang lebih tepat adalah pendapat pertama yang mengatakan bahawa maksudnya adalah para pemimpin dan penguasa. Hal ini berdasarkan kepada beberapa hadits saih dari Rasulullah (s.a.w.) yang memerintahkan umat Islam untuk taat kepada perintah (yang mendatangkan kemaslahatan bagi kaum muslimin) pemerintah dan penguasa. Antara hadis yang dimaksudkan oleh al-Tabarī (2000) ialah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar (r.a.):

عن ابن عمر رضي الله عنهما، عن النبي - صلى الله عليه وسلم - قال: «عَلَى الْمُرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ  
وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمِنَ بِعَصِيَّةٍ، فَإِذَا أَمْرَ بِعَصِيَّةٍ فَلَا سَمْعٌ وَلَا طَاعَةٌ». متفقٌ عَلَيْهِ.

Dari Ibnu Umar (r.a.), dari Nabi (s.a.w.), baginda bersabda: "Wajib atas seorang Muslim untuk mendengar dengan patuh serta mentaati (kepada pemerintah), baik dalam hal yang dia senangi dan yang dia benci, melainkan jika dia diperintahkan untuk sesuatu kemaksiatan. Maka apabila ia diperintahkan dengan sesuatu kemaksiatan, tidak dibenarkan dia mendengarkan perintah tersebut dan tidak boleh pula dia mentaati." (Muttafaq 'alaih) [HR: al-Bukhari (7144) dan Muslim (1839, 38)]

Tambahan lagi, jika dilihat dalam konteks pentadbiran dan kenegaraan, tafsiran *ulil amri* sebagai pemerintah (sekarang lebih dikenali sebagai kerajaan) adalah tafsiran yang lebih sesuai dan relevan (Ilyas, 2011; Kadir, 2014). Dalam erti kata lain, *ulil amri* adalah kerajaan yang memerintah sesebuah negara. Para menteri beserta kementerian dalam kabinet kerajaan adalah individu-individu yang diberikan kuasa untuk mentadbir urus urusan umat Islam. Mereka adalah orang yang diberikan kepercayaan dalam menangani pelbagai isu dan masalah sosial dalam sesebuah negara.



**Rajah 2: Ulil amri yang terlibat dalam penentuan polisi umum fiqh pandemik COVID-19**

Rajah 2 di atas menyenaraikan beberapa pihak yang terlibat sama dalam pembinaan polisi umum berkaitan hukum-hakam pandemik COVID-19 di Malaysia antaranya ialah Yang di-Pertuan Agong dan raja atau sultan di setiap negeri, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Mufti, Majlis Agama Islam Negeri, dan Jabatan Agama Islam Negeri.

#### a) **Yang di-Pertuan Agong, raja, dan sultan di setiap negeri**

Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan mengakui raja-raja Melayu sebagai Ketua agama Islam di negeri masing-masing. Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua agama Islam di negeri sendiri, negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja (Melaka, Pulau Pinang, Sabah, dan Sarawak), dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, dan Putrajaya. Di samping itu, menurut item 1 (2)(d) Jadual Kelapan dalam Perlembagaan Persekutuan, Raja-Raja boleh bertindak mengikut budi bicara mereka dalam melaksanakan fungsinya sebagai ketua agama Islam. Walaupun begitu, para penguasa dibantu dan dinasihatkan oleh Majlis Agama Islam dalam semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang Islam, di mana Raja dibantu dan dinasihatkan oleh Mufti.

Ini menunjukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja di negeri masing-masing mempunyai kuasa dalam melaksanakan tindakannya sebagai ketua agama Islam sama ada dalam hal berkaitan dengan agama Islam secara umum ataupun perkara-perkara berkaitan dengan undang-undang Islam. Ini bermakna, mereka berperanan dalam memberikan kelulusan terhadap mana-mana polisi umum yang dibina oleh kerajaan negeri berkaitan dengan hal ehwal agama Islam.

#### b) **Majlis Keselamatan Negara**

MKN secara rasminya ditubuhkan pada 7 Julai 1971 menerusi persidangan Jemaah Menteri yang bersidang pada 23 Februari 1971 (Majlis Keselamatan Negara, 2020). Jemaah Menteri dalam mesyuarat Bil. 83/750/71 pada 31 Julai 1971 telah menghuraikan peranan MKN seperti berikut:

*“Since the future racial peace in this country depends on how well the government handles the sensitive issues, it is suggested that the NSC shall be the body to look into the matter”* (Majlis Keselamatan Negara, 2020).

Oleh yang demikian, MKN bertanggungjawab menyelaraskan dasar-dasar berkaitan keselamatan negara dan arahan mengenai langkah-langkah keselamatan termasuk gerakan-gerakan keselamatan, ketenteraman awam dan perkara-perkara melibatkan keselamatan secara langsung di seluruh negara di peringkat persekutuan, negeri dan daerah (Majlis Keselamatan Negara, 2020). MKN juga menjadi

badan bertanggungjawab membantu Majlis Tindakan Negara (MTN) dalam perkara-perkara berkaitan keselamatan. Selain itu, Seksyen 4 Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 telah menyatakan empat fungsi utama MKN iaitu merumuskan dasar dan langkah strategik mengenai keselamatan negara, memantau pelaksanaan dasar dan langkah strategik tersebut, memberi nasihat mengenai perisytiharan kawasan keselamatan, dan melaksanakan fungsi lain yang berkaitan dengan keselamatan negara yang wajar. Tambahan lagi, Seksyen 5 memberikan kuasa kepada MKN untuk melakukan apa-apa perkara yang perlu atau sesuai berkaitan dengan fungsi-fungsinya sepertimana pada Seksyen 4. Fungsi-fungsi tersebut termasuklah mengawal dan menyelaras entiti kerajaan (sama ada kerajaan pusat atau negeri) dalam operasi yang berkaitan dengan keselamatan negara dan mengeluarkan arahan kepada entiti kerajaan dalam perkara yang berkaitan dengan keselamatan negara. Bahkan Seksyen 5 turut menyatakan bahawa kuasa yang diberikan ini boleh melangkaui mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

#### **c) Kementerian Kesihatan Malaysia**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai beberapa peranan penting dalam perihal menjaga kebajikan dan kesihatan rakyat Malaysia. Antaranya ialah memainkan peranan dalam pemulihan isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat, meningkatkan taraf kesihatan rakyat Malaysia melalui formula-formula polisi yang berkesan dan cekap, membantu individu untuk mencapai satu taraf kesihatan yang baik supaya membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif, dan menyediakan perkhidmatan dari segi pencegahan, rawatan dan pemulihan yang effektif (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

#### **d) Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Menteri Hal Ehwal Agama)**

Menteri Hal Ehwal Agama adalah di antara lima jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Menteri ini bertanggungjawab dalam menjaga segala kepentingan dan hal ehwal agama Islam serta menyelesaikan isu-isu berkaitan agama lain di Malaysia (BERNAMA, 2020a; Zaki, 2020). Sekarang ini, jawatan Menteri tersebut digelas oleh Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang juga merupakan seorang bekas Mufti Wilayah Persekutuan.

#### **e) Pejabat Mufti**

Setiap negeri mempunyai mufti yang dilantik oleh raja atau sultan. Mufti adalah penasihat agama Raja Melayu dan mempunyai wewenang dan kelayakan untuk mengeluarkan fatwa mengenai isu-isu kontemporari (Shuaib, Bustami, & Kamal, 2010). Seorang mufti negeri mengetuai Jabatan Mufti (Jabatan Mufti). Jabatan atau Pejabat Mufti memproses permintaan fatwa, mengatur program keagamaan, dan menerbitkan buku dan risalah agama.

#### **f) Majlis Agama Islam Negeri**

Majlis Agama Islam berada di bawah kuasa Ketua agama Islam setiap negeri. Majlis Agama Islam ditubuhkan di bawah kerajaan Negeri dan juga Wilayah Persekutuan. Majlis akan menolong dan menasihati Raja atau Sultan berkenaan dengan semua hal yang berkaitan dengan agama Islam di dalam wilayahnya, kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang Islam dan yang berkaitan dengan pentadbiran keadilan kerana itu adalah tugas Mufti. Beberapa peranan umum Majlis ialah menggubal dasar dan memperakui keputusan dasar berkaitan dengan ajaran Islam yang diputuskan oleh agensi-agensi agama Islam di peringkat persekutuan dengan efektif dan dinamis, memantau dan menyelaras perlaksanaan dasar Islam dan fatwa oleh agensi-agensi pelaksana di peringkat negeri secara istiqamah, serta menyiasat dan membuat dakwaan terhadap kesalahan di bawah perkara-perkara Hukum Syarak bagi melaksana keadilan demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian ummah selaras dengan prinsip-prinsip maqasid syariah.

### **g) Jabatan Agama Islam Negeri**

Jabatan Agama Islam ditubuhkan di bawah kerajaan negeri. Jabatan ini menguatkuasakan segala dasar yang telah ditetapkan Majlis Agama Islam. Jabatan ini juga menguatkuasakan undang-undang Syariah dan mengambil tindakan terhadap orang Islam yang melakukan kesalahan terhadap undang-undang Syariah.

#### **2) Peranan dan tanggungjawab umum *Ulil Amri* terhadap rakyat**

Setiap *Ulil Amri* adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan amanah yang telah diberikan kepadanya, terutamanya amanah kepada rakyat jelata. Hal ini telah disebutkan dengan jelas di dalam sebuah hadis sahih yang masyhur diriwayatkan oleh Ibnu Umar (r.a.), yang bermaksud:

عَنْ أَبِنِ عُمَرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «كُلُّكُمْ رَاعٍ  
وَكُلُّكُمْ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ: الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَمَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،  
وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَّةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْؤُلَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،  
فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ». مُتَّفَقُ عَلَيْهِ.

Daripada Ibnu Umar (r.a.), beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah (s.a.w.) bersabda: “*Setiap orang adalah pemimpin dan akan diminta pertanggungjawaban atas kepemimpinannya. Seorang pemerintah negara adalah pemimpin atas rakyatnya dan akan diminta pertanggungjawaban perihal rakyat yang dipimpinnya. Seorang suami adalah pemimpin atas anggota keluarganya dan akan ditanya perihal keluarga yang dipimpinnya. Seorang isteri adalah pemimpin atas rumah tangga dan anak-anaknya dan akan ditanya perihal tanggung jawabnya. Seorang pembantu/pekerja rumah tangga adalah bertugas memelihara barang milik majikannya dan akan ditanya atas pertanggungjawabannya. Dan kamu sekalian pemimpin dan akan ditanya (diminta pertanggungan jawab) dari hal yang dipimpinnya*”. (Muttafaq 'alaih) [HR: al-Bukhari (5200) dan Muslim (1829, 20)]

Hadis ini merujuk kepada setiap orang mempunyai kewajipan menjaga dan melaksanakan amanah dan kepercayaan yang telah diberikan (al-Nawāwī, 2011; al-Suyūtī, 1996). Bagi konteks *Ulil Amri*, Mullā 'Ali al-Qārī (2002) dan al-Munāwī (1988) menyatakan bahawa amanah yang diberikan kepada mereka adalah berupa rakyat dan perihalnya serta segala haknya adalah dibawah tanggungjawab *Ulil Amri*. Setiap amanah, kepercayaan, dan tanggungjawab yang dipikul ini hendaklah dilaksanakan dengan adil dan menjaga maslahah tanggungannya dari segi dunyawi dan ukhrawi, bahkan kesemua tanggungan ini akan disemak dan dinilai semula diakhirat sama ada orang yang diamanahkan ini berjaya atau gagal melaksanakan segala bebanan yang diberikan (al-Munāwī, 1937).

Selain itu, terdapat juga suatu kaedah fiqh khusus berkaitan dengan tanggungjawab pemerintah, demi menjaga kemaslahatan umum berdasarkan kepada kaedah fiqh:

التَّصْرُفُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنْوَطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

“*Tindakan (arahan pemerintah) terhadap rakyatnya adalah berdasarkan kepada kepentingan umum.*” (al-Suyūtī, 2013; Syubair, 2007)

Penjelasan kepada kaedah ini ialah tindakan pemerintah dan setiap orang yang menjaga sesuatu urusan umat Islam mestilah berdasarkan, berkaitan, dan bertujuan untuk menjaga kemaslahatan mereka, iaitu kepentingan mereka yang berada di bawah kendalian mereka. Asas tanggungjawab ini

ialah kerana pemerintah memiliki wilayah (kuasa) atau akauntabiliti (*hak al-ri'ayah*) keatas rakyatnya dalam urusan-urusan umum. Justeru, tindakannya hendaklah berdasarkan kepada kemaslahatan dan kebaikan kepada rakyat (Zaydān, 2015). Dalam konteks ini, kemaslahatan tersebut perlulah sesuatu yang sesuai dengan maqasid syarak dan bukan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah (al-Burnu, 2002). Dengan kata lain segala tindakan, perintah, larangan dan polisi yang dikeluarkan perlulah dalam konteks menjaga kemaslahatan rakyat.

Dalam konteks ini, maslahah didefinisikan oleh al-Ghazālī (2015) dan al-Būṭī (1973) sebagai suatu perkara yang mendatangkan manfaat dan menolak mudarat. Akan tetapi, yang dimaksudkan dengan manfaat disini bukanlah semata-mata demi memenuhi kehendak dan tujuan manusia, sebaliknya memelihara segala matlamat Syarak dalam menjaga agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta. Sementara itu, mafsadah pula merujuk kepada segala perkara yang meluputkan matlamat-matlamat Syarak sama ada secara keseluruhan mahupun sebahagian (al-Ghazālī, 2015; Ibnu ‘Āshūr, 2012), dan setiap usaha dalam menolak mafsadah juga adalah maslahat (al-Ghazālī, 2015).

Oleh yang demikian, peranan dan tanggungjawab umum yang dibebankan ke atas setiap *ulil amri* ialah amanah kepada rakyatnya. Amanah tersebut ialah mengurus tadbir segala urusan dan kebajikan rakyat bersesuaian dengan konsep menjaga kemaslahatan rakyat serta penolakan kemudaratan yang akan menimpa mereka.

### **3) Operasi *ulil amri* dalam menentukan polisi umum berkaitan hukum-hakam pandemik COVID-19**

Setiap *Ulil Amri* yang terlibat mempunyai peranan dan bidangkuasanya tersendiri. Ada yang berperanan dan berbidangkuasa di peringkat pusat, ada juga yang hanya di peringkat negeri. Sungguhpun demikian, mereka akan saling bekerjasama dalam membentuk sebuah polisi umum berkaitan hal ehwal agama Islam. Hal ini menunjukkan bahawa setiap polisi umum yang dihasilkan adalah melibatkan pelbagai pihak dari pelbagai bidang yang bekerjasama demi menjaga maslahat serta menghalang mafsadah berlaku kepada rakyat.

Cabaran yang paling besar disini ialah menyelaras tindakan diantara agensi-agensi yang terlibat. Malaysia adalah antara beberapa buah negara didunia ini yang mendapat pujian peringkat antarabangsa dalam keupayaannya mengawal penularan wabak covid 19 (BERNAMA, 2020b). MKN adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan dasar-dasar berkaitan keselamatan negara (Majlis Keselamatan Negara, 2020). MKN telah mengeluarkan sejumlah prosedur operasi standard (SOP) di sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuklah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Kerajaan Malaysia melalui MKN telah membuat keputusan untuk melaksanakan PKP di seluruh negara dengan tujuan untuk mengurangkan kadar penyebaran COVID-19 yang cepat di Malaysia (Elengoe, 2020; Khor, Arunasalam, Azli, Khairul-Asri, & Fahmy, 2020; Shah et al., 2020). Pelanggaran SOP sepanjang PKP dikenakan denda berjumlah RM1000 dan penjara maksimum 6 bulan (Tang, 2020).

Tindakan MKN adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh dari pelbagai agensi lain. Agensi yang terpenting ialah KKM. Selain daripada peranan hakikinya menyediakan rawatan bagi pesakit-pesakit COVID-19 (Elengoe, 2020; Shah et al., 2020), KKM turut berperanan dalam memberikan nasihat serta memaklumkan perkembangan terkini berkaitan wabak COVID-19 kepada pihak kerajaan pusat dan negeri (Hussain & Adnan, 2020). Nasihat yang diberikan adalah berpandukan kepada data serta fakta berhubung situasi terkini transmisi COVID-19 terutamanya di Malaysia.

Apabila sesuatu polisi yang akan dibuat melibatkan agama Islam seperti penutupan masjid, pembatalan sembahyang Jumaat dan sebagainya MKN akan mendapatkan maklumat yang jelas daripada jabatan-jabatan agama Islam yang dikendalikan dibawah Menteri Hal Ehwal Agama. Dalam

mengeluarkan fatwa atau hukum fikah berkaitan agama Islam semasa pandemik ini suatu perbincangan perlu dibuat bersama-sama dengan pihak KKM dan MKN. Perbincangan ini dilakukan bagi mendapatkan gambaran penuh situasi COVID-19 semasa di Malaysia dan memastikan polisi yang dibina selari dengan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak KKM dan MKN (Mohamad, 2020). Hal ini bersetujuan dengan firman-Nya pada ayat 43 surah al-Nahl dan ayat 7 surah al-Anbiya':

﴿فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

*"Maka bertanyalah kamu kepada 'Ahluz Zikri' jika kamu tidak mengetahuinya" [Surah al-Nahl (43); Surah al-Anbiya' (7)]*

Abu Zuhrah (t.t.), al-Shawkānī (2000), dan Abu al-Su'ūd (n.d.) menyatakan bahawa ayat ini merujuk kepada orang yang berpengetahuan atau individu yang dikenali dengan pengetahuan dan kemahiran. Oleh itu, setiap orang yang mempunyai pengetahuan dan/atau kemahiran mengenai perkara tertentu, dia dianggap sebagai 'Ahluz Zikri'. Tambahan lagi, ayat ini juga mengisyaratkan kepada perlunya merujuk orang yang berpengetahuan dan/atau berkemahiran untuk perkara-perkara yang tidak diketahui. Ahluz Zikri dalam konteks pandemik COVID-19 di Malaysia ini adalah pakar perubatan dan kesihatan dalam Kementerian Kesihatan Malaysia, termasuk juga yang berkaitan dengan isu ini seperti pakar kawalan penyakit berjangkit (Mohamad, 2020).

Seterusnya, pihak Menteri Hal Ehwal Agama juga akan membuat perbincangan dengan pihak berkuasa agama negeri dalam suatu sesi mesyuarat bersama-sama dengan semua mufti negeri atau wakilnya, pihak Jabatan Agama Islam Negeri, dan juga pihak Majlis Agama Islam Negeri (Bahaudin, 2020; Ruzki, 2020). Perbincangan ini dilaksanakan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) bagi membincangkan beberapa pandangan hukum berikut penularan wabak COVID-19 (Bahaudin, 2020; Ruzki, 2020). Keputusan pandangan hukum berkaitan penularan COVID-19 akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan serta Raja di negeri-negeri bagi mendapat perkenan untuk tindakan selanjutnya. Hal ini kerana penetapan berkaitan hal ehwal Islam terletak dalam bidang kuasa negeri (Bahrom, 2019; N. Muslim & Buang, 2012). Para raja atau sultan selaku ketua agama Islam dalam negeri atau wilayah penguasaannya mempunyai kuasa dalam memberikan kelulusan terhadap polisi umum berkaitan hukum berikut penularan wabak COVID-19 di negeri masing-masing. Apabila polisi umum ini telah mendapat kelulusan atau perkenan daripada ketua agama Islam, maka polisi tersebut boleh dilaksanakan dan dikuatkuasakan dalam pihak berkuasa agama dalam setiap negeri.

Pihak-pihak yang diatas adalah agensi yang bertindak secara langsung dalam membina dan membentuk polisi negara berkaitan COVID-19. Namun polisi ini tidak berkesan jika tidak didokong oleh agensi pelaksana seperti agensi penyebaran maklumat dan penguat kuasaan. Penyebaran maklumat adalah sangat penting supaya apa yang diputuskan oleh pembuat polisi sampai kepada rakyat. Maklumat bukan sahaja perlu betul dan tepat tetapi juga ia perlu segera, sepadu dan tidak bercanggah antara satu sama lain. Dalam konteks ini maklumat yang boleh dipercayai ialah maklumat yang dikeluarkan oleh badan rasmi kerajaan. Kebolehpercayaan maklumat adalah sangat penting terutamanya dalam situasi mendesak. Sebarang maklumat palsu perlu ditangani segera agar ia tidak menimbulkan kekeliruan dan kegusaran dalam masyarakat. Dalam konteks ini media telah memainkan peranan yang cemerlang. KKM telah mengiktiraf media sebagai salah satu barisan hadapan dalam memerangi COVID-19 (BERNAMA, 2020c). Kepentingan maklumat yang tepat dinyatakan oleh Allah dalam surah al-Hujurat ayat 6:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءُكُمْ فَاسِقٌ بِنَبِيٍّ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُضْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ﴾

نَادِمِينَ

*Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan*

*kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan. [Surah al-Hujurat (6)]*

Agensi penguatkuasaan menjamin agar segala polisi yang dikeluarkan oleh MKN dilaksanakan dengan baik dan patuh. Tanpa penguatkuasaan segala polisi yang dibentuk akan terabai begitu sahaja. Antara agensi yang terlibat ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kementerian Kesihatan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Tambahan lagi, al-Ghazālī (1964, 2004) pernah berkata:

**الدّين أَسْ وَالسُّلْطَانُ حَارِسٌ فَمَا لَا أَسْ لَهُ فَمَهْدُومٌ وَمَا لَا حَارِسٌ لَهُ فَضَائِعٌ**

*Agama itu adalah asas, dan pemerintah pula adalah penjaganya, sesuatu yang tiada asas akan membawa kepada keruntuhan, dan sesuatu yang tiada penjaganya akan hilang (sia-sia).*

Peranan yang dilaksanakan oleh setiap *ulil amri* dan pihak berkuasa agama ini menunjukkan wujudnya elemen syura sepertimana yang dianjurkan oleh Islam. Mohamed, Ghani, and Basir (2013) menyatakan bahawa agama Islam memberikan dorongan kepada umatnya untuk mengamalkan Syura atau konsep bermesyuarat secara kolaboratif dalam apa jua aktiviti dan seterusnya bertawakkal kepada Allah (s.w.t) agar tercapai matlamat yang digarapkan. Hal ini dinyatakan dengan jelas pada ayat 159 surah Ali Imran dan ayat 38 surah al-Syura. Tambahan lagi, konsep syura bersama pihak-pihak dalam pelbagai bidang dan kepakaran ini juga dapat mengelakkan daripada berlakunya *al-tasāhul* (mengambil mudah) dalam mengeluarkan sesuatu hukum. al-Nawawi (2016) menyatakan perkara tersebut adalah jelas diharamkan. Beliau juga menjelaskan bahawa di antara sikap mengambil mudah dalam mengeluarkan hukum ialah tidak memahami isu yang wujud dan tergesa-gesa memberikan hukum tanpa membuat sebarang penelitian dan penyelidikan terlebih dahulu (al-Nawawi, 2016).

#### **4) Cabaran dalam pembentukan polisi berkaitan agama di Malaysia**

Sepertimana yang telah dinyatakan pada perbahasan terdahulu, bahawa setiap *ulil amri* dan pihak berkuasa agama saling bekerjasama dalam membentuk sebuah polisi umum berkaitan hal ehwal agama Islam. Sungguhpun demikian, terdapat beberapa cabaran yang timbul dalam pembentukan polisi ini seperti konflik bidangkuasa di antara *ulil amri* dengan pihak berkuasa agama. Hal ini terjadi apabila bidangkuasa *ulil amri* dalam hal keselamatan negara dan pencegahan penyakit berjangkit bertembung dengan pihak berkuasa agama dalam bidangkuasanya berkaitan penentuan urusan agama Islam di negeri-negeri. Pertembungan seringkali terjadi apabila pihak MKN dan KKM telah menetapkan sesuatu SOP yang berkaitan dengan PKP yang dikuatkuasakan, SOP tersebut dilaksanakan mengikut budi bicara pihak berkuasa agama negeri sama ada hendak mengamalkannya secara menyeluruh, sebahagian, atau mengikut kesesuaian.

MKN dan KKM sememangnya menjadi tulang belakang dalam mentadbir urus hal ehwal rakyat Malaysia terutamanya ketika mendepani pandemik COVID-19. Segala tindakan yang mereka laksanakan adalah berasaskan kepada Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 (Akta 776) dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Akan tetapi, apabila melibatkan tindakan yang melibatkan hal ehwal agama Islam di Malaysia, maka kuasa mutlak diberikan kepada pihak berkuasa negeri dalam mentadbir urus segala hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam di negeri masing-masing. Hal ini jelas dinyatakan pada item 1, Senarai II - Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Ini menunjukkan bahawa pihak berkuasa negeri berhak untuk bertindak atas budi bicara mereka dalam membuat apa-apa penentuan urusan agama Islam atau hukum Syarak di negeri mereka.

Bagi mencari solusi kepada cabaran yang dihadapi, kajian ini mencadangkan agar penetapan polisi umum berkaitan hukum-hakam di Malaysia terutamanya dalam pandemik COVID-19 diserahkan kepada *ulil amri* serta pihak berkuasa agama dalam sesebuah negeri. Sungguhpun demikian, mereka

perlu mengambil kira nasihat yang diutarakan oleh pihak MKN dan KKM dalam menentukan polisi umum tersebut. Hal ini kerana item 7, Senarai III – Senarai Bersama dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan perihal kesihatan awam dan pencegahan penyakit sebagai bidangkuasa bersama di antara pihak kerajaan pusat dan negeri. Ini menunjukkan bahawa menjaga kesihatan awam serta mencegah penularan penyakit adalah antara bidangkuasa yang dikongsi bersama oleh kedua-dua jenis kerajaan. Maka dalam menjalankan kuasa mereka ini, pihak MKN dan KKM perlu menasihati *ulil amri* serta pihak berkuasa agama dalam sesebuah negeri berkenaan hal-hal melibatkan keselamatan umum, kesihatan awam, dan pencegahan penyakit. Begitu juga dengan *ulil amri* serta pihak berkuasa agama, dalam menjalankan kuasa mereka, perlu mengambil kira nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh pihak MKN dan KKM ketika hendak membina polisi umum berkaitan urusan agama Islam.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, terdapat beberapa *ulil amri* yang bertanggungjawab dalam mengendalikan dan menguruskan isu-isu pandemik COVID-19 di Malaysia. Manakala bagi penentuan polisi umum berkaitan urusan agama Islam, terdapat tujuh jenis *ulil amri* yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Mereka adalah terdiri daripada ketua agama Islam bagi setiap negeri iaitu Yang Di-Pertuan Agong, raja, dan sultan, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Mufti, Majlis Agama Islam Negeri, dan Jabatan Agama Islam Negeri. Setiap daripada mereka mempunyai peranan yang umum dan khusus terhadap rakyat di bawah wilayah kekuasaan mereka. Peranan umum mereka adalah mengurus tadbir segala urusan dan kebijakan rakyat bersesuaian dengan konsep menjaga kemaslahatan serta penolakan kemudaratan yang akan menimpa mereka. Seterusnya, setiap *ulil amri* berperanan dan berbidangkuasa sama ada di peringkat pusat ataupun negeri. Mereka saling bekerjasama dalam membentuk sebuah polisi umum berkaitan hal ehwal agama Islam. Kerjasama yang wujud ini juga seiring dengan amalan syura sepertimana yang dianjurkan oleh Islam. Amalan ini dapat mengelakkan daripada berlakunya *al-tasāhul* (mengambil mudah) dalam mengeluarkan sesuatu hukum. Kajian ini mencadangkan agar apabila berlaku pertembungan di antara bidangkuasa sesama *ulil amri*, maka hendaklah diutamakan kuasa *ulil amri* dan pihak berkuasa agama negeri kerana mereka adalah yang selayaknya membuat apa-apa penentuan urusan agama Islam atau hukum Syarak di negeri mereka. Sungguhpun demikian, mereka perlu mengambil kira nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh pihak MKN dan KKM kerana menjaga kesihatan awam dan mencegah penyakit adalah di antara bidangkuasa yang dikongsi bersama oleh *ulil amri* dan pihak berkuasa agama negeri dengan pihak kerajaan pusat.

## **Penghargaan**

Penghargaan diberikan terhadap terhadap Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui skim Geran Penyelidikan USIM COVID-19, PPPI/COVID19\_0120/FSU/051000/15820, bertajuk “Pembangunan Garis Panduan Penetapan Hukum Syarak Dari Aspek Muamalat Dalam Situasi COVID 19 Di Malaysia Berasaskan Maqasid Syariah”. Penghargaan juga dirakamkan kepada penyelidik-penyalidik Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan penyelidik-penyalidik dalam projek penyelidikan ini.

## **Rujukan**

- Abu al-Su‘ūd, M. M. (t.t.). *Tafsir Abi al-Su‘ūd* (Jil. 5). Kaherah: Dar al-Mushaf.  
 Abu Zuhrah, M. (t.t.). *Zahrah al-Tafāsīr* (Jil. 8). Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.

- Aḥmad, A. M. (2001). *Musnad al-Imām Ahmad bin Ḥanbal* (Sunt. S. a. al-Arnāwūṭ & Ā. Murshid. Ed. 1. Jil. 2). Beirut: Mu‘asasah al-Risalah.
- Akta Majlis Keselamatan Negara 2016, <https://www.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/Akta-MKN-2016-BM.pdf>, Akta 776 Stat. (2016).
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Draf%20Muktamad%20-%20Akta%20342.pdf>, Akta 342 Stat. (1988).
- al-Bukhārī, M. I. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ed. 1). Dimashq: Dar Ibnu Kathir.
- al-Burnu, M. S. A. (2002). *al-Wajīz fī Idah Qawā‘id al-Fiqh al-Kuliyyah*. (Ed. 5). Beirut: Dar al-Risalah Al-‘Alamiah.
- al-Būtī, M. S. R. (1973). *Dhawābit al-Maṣlahah fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Ed 2.). Beirut: Muasasat al-Risalah.
- al-Ghazālī, M. M. (1964). *Mizān al-‘Amal* (Sunt. S. Dunya. Ed 1.). Mesir: Dar al-Ma‘arif.
- al-Ghazālī, M. M. (2004). *al-Iqtīṣād fī al-Itiqād* (Sunt. A. M. al-Khalili. Ed 1.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Ghazālī, M. M. (2015). *al-Mustasfā min ‘Ilmi al-Uṣūl* (Sunt. M. S. al-Ashqar. Ed. 1. Jil. 1). Beirut: Mu‘asasat al-Risalah Nasyirun.
- al-Munāwī, M. A. R. T. (1937). *Faydh al-Qadīr bi-Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr* (Ed. 1. Jil. 5). Mesir: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- al-Munāwī, M. A. R. T. (1988). *al-Taysīr bi-Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr* (Ed. 3. Jil. 2). Riyad: Maktabah al-Imam al-Shafī‘ī.
- al-Nawawi, Y. S. (2016). *al-Majmū‘ fī Sharḥ al-Muhazzab* (Sunt. M. N. al-Muṭī‘ī. Ed. 2. Jil. 1). Mesir: al-Tawfikiya Bookshop.
- al-Nawāwī, Y. S. (2011). *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj* (Sunt M. Samih. Ed. 1. Jil. 11). Kaherah: Dar Ibnu al-Jawzi.
- al-Qurṭubī, M. A. (1964). *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān* (Sunt. A. al-Barduni & I. Atfish. Ed. 2. Jil. 5). Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriah.
- al-Shawkānī, M. A. (2000). *Fatḥ al-Qadīr al-Jāmi‘ Bayna Fannayyi al-Riwayah wa al-Dirāyah min ‘Ilmi al-Tafsīr* (Ed. 1). Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- al-Suyutī, A. R. A. B. (2013). *al-Ashbah wa al-Nazā‘ir fī Qawā‘id wa Furū‘ al-Shāfi‘īyyah* (Sunt. M. M. Tahir & H. A. Hafiz. Ed. 6). Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Suyutī, A. R. A. B. (1996). *Al-Dībāj 'ala Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hujjāj*. al-Khubar: Dār Ibn 'Affān li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Ṭabarī, M. J. (2000). *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta‘wīl al-Qur’ān* (Sunt. A. M. Syakir. Ed. 1. Jil. 8). Mesir: Muassasah al-Risālah.
- Bahaudin, N. H. (2020, 15 Mac). Hukum Covid-19 akan disampaikan kepada Agong, Sultan dan Raja. *myMetro*. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/554924/hukum-covid-19-akan-disampaikan-kepada-agong-sultan-dan-raja> Diakses pada: 29 September 2020.
- Bahrom, H. (2019). Perlembagaan: Isu Perlaksanaan Undang-undang Islam. *Jurnal Syariah*, 7(1), 79-96.
- BERNAMA. (2020a, 10 Mac). Pelantikan Mufti sebagai Menteri Agama bantu kukuhkan perpaduan pelbagai kaum. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-politik/pelantikan-mufti-sebagai-menteri-agama-bantu-kukuhkan-perpaduan-pelbagai-kaum-233096> Diakses pada: 29 September 2020.
- BERNAMA. (2020b, 21 Julai). Pencapaian KKM jadi perhatian masyarakat antarabangsa. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/713139/pencapaian-kkm-jadi-perhatian-masyarakat-antarabangsa> Diakses pada: 29 September 2020.

- BERNAMA. (2020c). Peranan media sebagai barisan hadapan dalam perangi COVID-19 diiktiraf KKM. *Suara Serawak*. Diambil daripada <https://suarasarawak.my/2020/07/10/peranan-media-sebagai-barisan-hadapan-dalam-perangi-covid-19-diiktiraf-kkm/> Diakses pada: 29 September 2020.
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia. *Osong Public Health Res Perspect*, 11(3), 93-100. doi:10.24171/j.phrp.2020.11.3.08
- Fakhruddin al-Rāzī, M. O. (1999). *Mafātih al-Ghayb* (Ed. 3. Jil. 10). Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Federal Constitution, [http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/Federal%20Constitution%20\(BI%20text\).pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/Federal%20Constitution%20(BI%20text).pdf) (1963).
- Hayes, B. K., Navarro, D. J., Stephens, R. G., Ransom, K., & Dilevski, N. (2019). The diversity effect in inductive reasoning depends on sampling assumptions. *Psychonomic Bulletin & Review*, 26(3), 1043-1050.
- Hussain, H., & Adnan, T. B. T. M. (2020, 27 April). Covid-19: Peranan KKM hanya beri nasihat kepada kerajaan. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/80876/KHAS/Koronavirus/Covid-19-Peranan-KKM-hanya-beri-nasihat-kepada-kerajaan> Diakses pada: 29 September 2020.
- Ibnu al-Jawzī, A. R. A. (2001). *Zād al-Masīr fī 'Ilmi al-Tafsīr* (Sunt. A. R. al-Mahdī. Ed. 1. Jil. 1). Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibnu 'Āshūr, M. T. (2012). *Maqāṣid al-Shari'ah al-Islāmiyyah* (Ed. 5). Kaherah: Dal al-Salam.
- Ibnu Kathir, I. U. (1999). *Tafsir al-Qur'ān al-'Azīm* (Sunt. S. M. Salamah. Ed 2. Jil. 2). Riyad: Dar Thaibah.
- Ilyas, Y. (2011). Ulil Amri dalam Tinjauan Tafsir. *Jurnal Tarjih*, 12(1), 43-50.
- Julien, H. (2008). Content Analysis. Dalam L. M. Given (Sunt.), *The Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods* (Jil. 1, h. 120-122). California: SAGE Publications, Inc.
- Kadir, M. N. A. (2014). Keabsahan Ulilamri dengan Kaedah Rampasan Kuasa dalam Aspek Maqasid Syariah. *Jurnal Hadhari*, 6(2), 85-96.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Sejarah KKM. Diambil daripada Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia: <https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2531?mid=13> Diakses pada: 29 September 2020
- Khor, V., Arunasalam, A., Azli, S., Khairul-Asri, M. G., & Fahmy, O. (2020). Experience from Malaysia During the COVID-19 Movement Control Order. *Urology*, 141, 179-180. doi:<https://doi.org/10.1016/j.urology.2020.04.070>
- Leavy, P. (2017). *Research Design: Quantitative, Qualitative, Mixed Methods, Arts-Based, and Community-Based Participatory Research Approaches*. New York: The Guilford Press.
- Liew, J., Grisham, J. R., & Hayes, B. K. (2018). Inductive and deductive reasoning in obsessive-compulsive disorder. *Journal of Behavior Therapy and Experimental Psychiatry*, 59, 79-86.
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). Sejarah MKN. Diambil daripada Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara: <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sejarah-mkn/> Diakses pada: 29 September 2020
- Mohamad, Z. (2020). Soal Jawab Fiqh COVID-19 - Edisi Kemas Kini. Diambil daripada laman sesawang MIRA - Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama): [https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/09/FIQH-COVID\\_Kemas-Kini-1\\_compressed-1.pdf](https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/09/FIQH-COVID_Kemas-Kini-1_compressed-1.pdf) Diakses pada: 29 September 2020

- Mohamed, H. A.-B., Ghani, A. M. A., & Basir, S. A. (2013). Sistem Pengurusan Islam yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti dan Cabaran Masa Hadapan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1), 67-84.
- Mullā ‘Ali al-Qārī, A. S. M. (2002). *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ* (Ed. 1. Jil. 6). Beirut: Dar al-Fikr.
- Muslim, M. a.-H. (2016). *Sahīh Muslim* (Sunt. Y. Hasan, I. Dalli, & I. al-Tiyar. Ed. 2). Dimashq: Mu'asasat al-Risalah Nasyirun.
- Muslim, N., & Buang, A. H. (2012). Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 10(2), 115-129.
- Neely, A. H., & Ponshunmugam, A. (2019). A qualitative approach to examining health care access in rural South Africa. *Social Science and Medicine*, 230, 214-221.
- Payne, G., & Payne, J. (2004). *Key Concepts in Social Research*. London: SAGE Publications Ltd.
- Prior, L. F. (2008). Document Analysis. Dalam L. M. Given (Sunt.), *The Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods* (Jil. 1, h. 230-231). California: SAGE Publications, Inc.
- Ruzki, R. M. (2020, 15 Mac). Muzakarah khas bincang hukum berkaitan COVID-19. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665632/muzakarah-khas-bincang-hukum-berkaitan-covid-19> Diakses pada: 29 September 2020
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Rahman, A. A., Sekawi, Z., . . . Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108-116. doi:<https://doi.org/10.1016/j.ijid.2020.05.093>
- Shuaib, F. S., Bustami, T. A. A., & Kamal, M. H. M. (2010). *Administration of Islamic Law in Malaysia: Text and Material* (Ed. 2). Selangor: LexisNexis Malaysia Sdn Bhd.
- Syubair, M. O. (2007). *al-Qawā'id al-Kulliyah wa al-Dawābiṭ al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Tang, K. H. D. (2020). Movement control as an effective measure against Covid-19 spread in Malaysia: an overview. *Journal of Public Health*. doi:[10.1007/s10389-020-01316-w](https://doi.org/10.1007/s10389-020-01316-w)
- Walsh, K. (2014). Documentary research and evaluation in medical education. *J Educ Eval Health Prof*, 11, 18. doi:<https://doi.org/10.3352/jeehp.2014.11.18>
- Zaki, M. M. M. (2020, 10 Mac). Harapan buat Menteri Agama. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/73231/KHAS/Pendapat/Harapan-buat-Menteri-Agama> Diakses pada: 29 September 2020
- Zaydān, A. K. (2015). *al-Wajīz fī Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah* (Ed. 2). Beirut: Muasasat al-Risalah Nasyirun.